



Persiapan Ambang Ramadan

Oleh : Mu'allim Bin Mohd Bakri
(Pensyarah Kanan ACIS UiTM Kampus Seremban)

Tahukah anda sesungguhnya di dalam al-Quran tidak ada ayat yang menyebut secara khusus berkaitan bulan Muharram. namun begitu, umat Islam sedunia sering membuat sambutan meriah seperti sambutan Maal Hijrah. Begitu juga, al-Quran tidak menyebut mengenai bulan Rabiul Awal tetapi umat Islam tidak pernah tinggal untuk menyambut Maulidur Rasul dengan penuh kehebatan. Walaubagaimanapun, sesungguhnya Allah Taala menyatakan secara khusus dalam al-Quran berkaitan kelebihan dan keberkatan bulan Ramadan. Ini membuktikan bahawa bulan Ramadhan adalah bulan yang sangat istimewa kepada umat Islam kerana pada waktu malam dan siang dalam bulan ini memberikan pelbagai keberkatan.

Oleh itu, Ramadhan merupakan satu bulan mulia yang sentiasa ditunggu dengan penuh kegembiraan. Ini bertepatan dengan firman Allah Taala dalam al-Quran Surah al-Baqarah ayat 185 yang bermaksud: **"Bulan Ramadan yang padanya diturunkan Al-Qur'an, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk, dan perbezaan (antara yang benar dan yang salah)"**. Berdasarkan ayat ini maka jelas bulan Ramadhan adalah bulan yang penuh keberkatan yang perlu umat Islam mengejar mengambil kesempatan. Rasulullah SAW juga ada bersabda:

قَدْ جَاءَكُمْ شَهْرُ رَمَضَانَ شَهْرٌ مُبَارَكٌ افْتَرَضَ اللَّهُ عَلَيْكُمْ صِيَامَهُ فِيهِ يَفْتَحُ فِيهِ أَبْوَابُ الْجَنَّةِ وَيُغْلَقُ فِيهِ
أَبْوَابُ الْجَحِيمِ وَتَعْلُ فِيهِ الشَّيَاطِينُ. فِيهِ لَيْلَةٌ خَيْرٌ مِنْ أَلْفِ شَهْرٍ مَنِ حَرَمَ خَيْرَهَا فَقَدْ حَرَمَ

Maksudnya: **"Sesungguhnya telah datang kepadamu bulan Ramadhan, bulan yang diberkati. Allah memerintahkan berpuasa di dalamnya. Dalam**



bulan Ramadhan dibuka segala pintu syurga dan ditutup segala pintu neraka dan dibelenggu segala syaitan. Dalamnya ada satu malam yang lebih baik dari 1000 bulan. barangsiapa tidak diberikan kepadanya kebajikan malam itu, bererti telah diharamkan baginya segala rupa kebajikan".(Hadis Riwayat Ahmad).

Walaupun bagaimanapun, setelah diberitakan berkaitan dengan kelebihan dan kemuliaan bulan Ramadan, namun masih terdapat dikalangan umat Islam yang alpa dan lalai untuk mengambil segala manfaat yang diberikan ketika tibanya bulan Ramadan. Mengenai perkara ini, Rasulullah SAW melalui sabdanya mengingatkan umat Islam dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ahmad yang bermaksud: ***"Terdapat umat Islam berpuasa tetapi tidak memperolehi apa-apa kecuali sekadar lapar semata-mata. Betapa ramai***

orang bersolat malam tetapi tidak memperolehi apa-apa melainkan sekadar berjaga malam semata-mata."

Persoalannya, mengapa perlu berpuasa, bersolat dan mengamalkan ibadat yang lain tetapi tidak dapat memenuhi standard piawaian yang ditetapkan Allah Taala dan hukum syarak. Keadaan ini berlaku kerana ibadah itu dibuat tanpa ilmu, tidak membuat persiapan teliti dan dibuat sekadar ikut-ikutan. Lantaran itu, sempena di ambang Ramadan ini sebagai umat Islam yang ingin keberkatan berpuasa perlulah melakukan persediaan. Bila persediaan berjaya dilaksanakan sudah tentu ibadah puasa yang dijalankan akan lebih mendapat keberkatan. Antara persediaan yang perlu dilakukan adalah:

Pertama: Membuat persediaan dari sudut ilmu. perlu memahami berkaitan selok belok hukum puasa, syarat-syarat sah dan batal puasa dan amalan-amalan yang dituntut dalam bulan Ramadhan seperti membaca al-Quran, adab-adab beriktikaf dalam masjid, qiyamullail, sedekah dan lain-lain ibadah. Pemahaman yang jelas tentang puasa akan memberi kesan yang mendalam kepada diri seseorang.

Kedua: Hendaklah membuat persediaan mental dan rohani untuk menghadapi suasana Ramadhan yang secara intensif melatih umat-Nya mendekati Allah dan membentuk akhlak yang mulia.

Ketiga: Membuat persediaan dari segi fizikal atau tubuh badan bagi memastikan tahap kesihatan yang baik. Kesihatan yang baik akan menentukan kita boleh melaksanakan ibadah dengan sempurna. Oleh itu pastikan kualiti dan mutu makanan itu berzat, makan secara sederhana, persekitaran rumah yang bersih dan tidur yang cukup.

Keempat: Perlu berjimat cermat dan amalan ini akan membolehkan kita melaksanakan zakat dan memperbanyakkan sedekah kepada mereka yang memerlukannya.

Kelima: Ibu bapa bertanggungjawab membimbing dan menentukan ahli keluarga membuat persiapan teliti serta mewujudkan suasana keimanan seperti berjemaah solat fardu dan berjemaah tarawih di rumah atau di masjid